



SIARAN MEDIA

PPR AMPAR TENANG: 167 KELUARGA NIKMATI KEDIAMAN BAHARU BERNILAI RM88 JUTA

DENGKIL, 6 Oktober 2025 – Seramai 167 keluarga dari Taman Permata, Dengkil yang terkesan akibat masalah keretakan serius di kediaman asal mereka kini menerima manfaat daripada pembinaan **Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang** bernilai lebih RM88 juta.

Majlis Penyerahan Surat Tawaran kepada peserta yang layak telah disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari bersama Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu,.

Projek PPR Ampar Tenang ini dibangunkan khas untuk **menempatkan semula penduduk Rumah Kos Rendah (RKR) Taman Permata yang disahkan tidak lagi selamat diduduki**. Kerajaan memandang serius isu keselamatan semua penduduk dan memutuskan untuk membantu penduduk dengan pembinaan PPR ini bagi menggantikan RKR Taman Permata.

Dengan **kos pembinaan melebihi RM88 juta**, setiap unit rumah dianggarkan bernilai lebih RM215,000, namun kerajaan menanggung sepenuhnya kos tersebut. Peserta hanya perlu menyelesaikan bayaran rumah RKR Taman Permata kepada **Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)** sebanyak RM20,000 bagi melayakkan mereka menerima rumah baharu secara percuma.

Projek ini dilaksanakan di bawah **Skim PPR Dimiliki** dan melibatkan **pembinaan 404 unit rumah teres satu tingkat, berkeluasan 700 kaki persegi di atas tanah seluas 30 ekar**. Setiap unit lengkap dengan tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air. Kawasan perumahan tersebut turut dilengkapi kemudahan asas seperti satu (1) unit balai komuniti dan kawasan lapang untuk kegunaan bersama penduduk. Selain itu, ia turut menyediakan empat (4) unit rumah bagi memenuhi keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Bagi fasa pertama, seramai **167 peserta yang layak menerima surat tawaran** telah dipilih berdasarkan status penyelesaian bayaran rumah RKR Taman Permata serta urusan dokumentasi berkaitan penukaran nama atau pusaka. Proses pengundian bagi penentuan unit rumah juga telah dilaksanakan secara telus. Penyerahan kunci dijangka akan dibuat dalam tempoh dua minggu selepas semua dokumen lengkap diserahkan.

Menurut YB Datuk Hajah Aiman Athirah, “KPKT akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta komuniti bagi memastikan agenda pembangunan yang inklusif, holistik dan berdaya huni dapat dicapai demi kesejahteraan rakyat tanpa mengira latar belakang atau ideologi politik”.

Pelaksanaan PPR Ampar tenang ini membuktikan komitmen Kerajaan MADANI melalui KPKT untuk menyediakan kediaman yang selesa, berkualiti dan mampu milik, sekali gus memperkasa kehidupan komuniti melalui perumahan yang mampan dan inklusif.

Turut hadir, EXCO Perumahan & Kebudayaan Negeri Selangor, YB Datuk Borhan Bin Aman Shah.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

